

PM puas hati rakyat terima kenaikan harga minyak

Oleh HABIBAH OMAR

Apabila kenaikan harga minyak diumumkan, orang ramai terkejut namun kini mereka telah positif dan sesi penjelasan itu akan diteruskan sehingga Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) diumumkan

laysia Kesembilan (RMK-9) diumumkan.

"Rakyat mula faham kita tidak boleh hidup bergantung kepada subsidi dan RMK-9 yang bakal dibentangkan kelak mungkin memberikan pelbagai cerita gembira kepada rakyat," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Pada mesyuarat itu juga, Radzi berkata, Kabinet telah mengarahkan supaya kadar subsidi gas petroleum cecair (LPG) dipaparkan bersama harga runcit bahan berkenaan berkuat kuasa serta-merta.

Langkah itu, katanya, diambil bagi me-

nunjukkan berapa banyak subsidi yang diberikan oleh kerajaan untuk setiap tong yang mengandungi berat yang be-beza-beza.

"Arahan ini memerlukan tindakan segera bagi menunjukkan berapa harga sebenar LPG dan berapakah harga yang dibayar oleh rakyat selain kadar subsidi yang ditanggung oleh kerajaan," katanya.

Ketika ditanya sama ada Kabinet turut membincangkan mengenai RMK-9, beliau berkata, perkara itu tidak dibincangkan kerana Perdana Menteri sendiri akan

um - 9/3/2006

RADZI SHEIKH AHMAD
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri

membuat pengumuman mengenainya.

Pada 28 Februari lalu, kerajaan mengumumkan kenaikan harga runcit minyak petrol dan diesel sebanyak 30 sen seliter serta harga runcit LPG sebanyak 30 sen sekilogram.

Dengan keputusan tersebut, harga runcit baru petrol premium RON97 di Semenanjung Malaysia naik kepada RM1.92 seliter, petrol RON92 RM1.88 seliter, diesel RM1.581 seliter dan LPG RM1.75 sekilogram.

Kenaikan harga bahan bakar itu dilakukan bagi menangani kesan kenaikan harga minyak mentah di pasaran dunia selain membendung peningkatan subsidi yang ditanggung kerajaan.

Kali terakhir kerajaan menaikkan harga runcit barangan petroleum ialah pada 31 Julai 2005 dengan peningkatan sebanyak 10 sen seliter bagi petrol, 20 sen seliter untuk diesel dan lima sen sekilogram untuk LPG.